

MAHATHIR - TEKNOLOGI

(1)

(EMBARGO: BOLEH DI SIARKAN SELEPAS JAM 2230)

1987

KUALA LUMPUR, 6 JAN. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAM INI, RAKYAT MALAYSIA HENDAKLAH MENGAMALKAN SIKAP LEBIH POSITIF DALAM USAHA MEMPEROLEHI TEKNOLOGI PERINDUSTRIAN DARI PENGUSAHA-PENGUSAHA LUAR NEGERI DI NEGARA INI.

BELIAU MEMEGASKAN BAHAWA RAKYAT MALAYSIA HENDAKLAH JUGA MELENGKAPKAN DIRI MERKA DENGAN PENGETAHUAN UNTUK MEMAJUKAN TEKNOLOGI DAN JUGA UNTUK TEKNOLOGI YANG MERUPAKAN SATU DISIPLIN YANG DINAMIK DAN PESAT MEMBANGUN.

PERDANA MENTERI DUKACITA KERANA WALAUPUN DASAR PERINDUSTRIAN YANG PRAGMATIK DILAKSANAKAN SEJAK MERDEKA, DAN USAHASAMA YANG DIADAKAN MENGHASILKAN BANYAK PELABURAN BARU, DI MANA PELABUR-PELABUR ASING TELAH MEMBAWA BERSAMA-SAMANYA SISTEM DAN TEKNOLOGI TEKNOLOGI MERKA NAMUN INDUSTRI-INDUSTRI KEPUNYAAN TEMPATAN YANG MENGGUNAKAN TEKNOLOGI BARU MASIH BELUM ADA.

BELIAU TELAH BERUCAP DI JAMUAN MAKAN MALAM DAN MALAM FELLOWSHIP BAGI INSTITUT PENGARAH MALAYSIA (MID) DI SINI, DI MANA BELIAU TELAH DI ANUGERAHKAN FELLOWSHIP KEHORMAT INSTITUT TERSEBUT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, SEMENTARA INI MUNGKIN KERANA KEANGGAPAN PENGUSAHA-PENGUSAHA ASING UNTUK MEMINDAHKAN TEKNOLOGI, ADALAH TIDAK BOLEH DINAFIKAN BAHAWA SEBILANGAN NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN YANG BARU NAMPAKNYA TELAH BERJAYA MEMPEROLEHI DAN MENGAMALKAN TEKNOLOGI BARU ITU. -- LAGI 2209/MK

2020 B696

MAHATHIR - TEKNOLOGI 2 KUALA LUMPUR

KITA PERLU BERTANYA MENGAPA RAKYAT MALAYSIA NAMPAKNYA TIDAK BOLEH MEMPEROLEHI TEKNOLOGI-TEKNOLOGI YANG DICAPAI OLEH JEPUN, KOREA, TAIWAN, HONG KONG MALAH SINGAPURA. INI IALAH KERANA PENDEKATAN KITA ATAU PERSEDIAAN UNTUK MENERIMA TEKNOLOGI BARU ADALAH SALAH.

JIKA ORANG-ORANG ASING TIDAK BIASA DENGAN UNDANG-UNDANG DAN BIKREASI KITA BOLEH DATANG KE SINI DAN MENGAMBIL PEKERJA-PEKERJA TEMPATAN Bekerja untuk membina bangunan dengan lebih cepat dan lebih baik dari kita, ini ialah kerana mereka mempunyai rahsia teknologi atau kerana kita berfikir kita lebih bijak dan tidak perlu belajar dari orang lain. +

BELIAU BERKATA BAHAWA ADALAH PERLU BAGI RAKYAT MALAYSIA BERSEDIA UNTUK MEMPERLAJARI, MENGAMBIL TAHU DAN DEDIKASI DAN BERHENTI MENGELUH KERANA KEANGGAN ORANG LAIN MEMINDAHKAN TEKNOLOGI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA DALAM USAHA Mencari teknologi baru negara ini tidak perlu memasuki semua bidang teknologi tetapi hanya perlu memilih beberapa bidang dan menumpukan perhatian kepadanya.

BELIAU YAKIN BAHAWA MALAYSIA BOLEH MENCAPAI OBJEKTIF INI KERANA IA TELAH MEMBUKTIKAN KEUPAYAANNYA MEMPEROLEHI DAN MEMAJUKAN TEKNOLOGI BARU DALAM INDUSTRI PERLADANGAN SEPERTI GETAH, KELAPA SAWIT DAN KOKO. -- LAGI 2218/MK

MAHATHIR - TEKNOLOGI 3 KUALA LUMPUR

SATU BIDANG YANG TIDAK BOLEH DITENGGALKAN JIKA KITA HENDAK NEGARA PERINDUSTRIAN IALAH LOGAM. TIDAK ADA NEGARA YANG TIDAK MEMAHAMI KEPUANAN LOGAM BOLEH BERHARAP UNTUK MENJADI NEGARA PERINDUSTRIAN BIJIH BESI DAN KELULU. +

MENGENAI PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB INSTITUT YANG BARU ITU, DENGAN PARA ANGGOTA YANG TERDIRI DARIPADA PARA PENGUSAHA INDUSTRI AHLI-AHLI PERNIAGAAN DAN USAHAWAN-USAHAWAN, BELIAU BERKATA BANYAK YANG DOLEH DILAKUKAN OLEH PERTUBUHAN ITU UNTUK MELAHIRKAN KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA DAN KONSEP PENGSWASTAAN DENGAN BERKONGSI PENGALAMAN DAN PENGETAHUAN MERKA DENGAN SEKTOR AWAM. -- BERNAMA